



YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI DULI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANALK BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH SELAKU Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah berkenan mengurniakan sabda pada majlis tersebut. - Foto: Mohd Zul-izzi Haji Duraman.

Dari muka 1

"Apa yang saya harapkan supaya penghulu dan ketua-ketua kampung hendaklah sentiasa bersikap prihatin dalam mengelilingi golongan-golongan tersebut sehingga janganlah sampai terdapat situasi di mana ada di antara mereka tidak menerima buah-buah kurma berkenaan sehinggalah mereka terpaksa pula mencari dan berkunjung ke rumah penghulu dan ketua-ketua kampung bagi mendapatkan kurma-kurma tersebut," sabda Yang Teramat Mulia pada majlis yang berlangsung di Dewan Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

YTM juga percaya banyak kemanfaatan yang boleh sahaja diperolehi jika penghulu dan ketua-ketua kampung selalu berdunduk ke rumah-rumah anak-anak buah kampung masing-masing, bukan sahaja untuk tujuan pengagihan buah-buah kurma ini bahkan juga sekali gus dapat meninjau dan berinteraksi secara dekat dengan mereka bagi bertanyakan hal ehwal dan kesejahteraan mereka.

## Pengagihan buah kurma : Beri perhatian orang susah, kurang berkemampuan

Dalam menangani proses pengagihan tersebut, YTM berharap supaya pihak YSHHB akan turut memantau proses tersebut dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan kesempurnaannya.

Terdahulu, YTM juga bersabda, sepertimana juga pada tahun-tahun lalu, setiap menjelang bulan Ramadan, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam akan dapat menikmati buah-buah yang merupakan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai juadah berbuka puasa.

"Pada ketika kita berada di dalam bulan Sya'aban di mana dalam beberapa hari sahaja lagi kita akan mlangkah ke bulan Ramadan yang mubarak yang kita nanti-nantikan ketibaannya sebagai bulan pembawa rahmat dan berkat kepada seluruh umat Islam.

Selain bulan Ramadan, bulan Sya'aban juga mempunyai beberapa kelebihan dan keistimewaan tertentu, terutamanya dalam mempersiapkan diri bagi kedatangan bulan Ramadan dengan memperbanyakkan amal kebajikan sebagai latihan rohani," sabda Yang Teramat Mulia pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1436 Hijrah / 2015 Masihi yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini.

YTM menambah sabda, antara amalan yang dianjurkan pada bulan Sya'aban ialah memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, bertaubat dan beristighfar, bersedekah dan bersembahyang sunat terutamanya pada waktu malam.

Selain itu, sabda YTM, kita juga dianjurkan untuk memperbanyakkan melakukan puasa sunat sebagaimana amalan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam yang mana Baginda lebih banyak melakukan ibadat puasa sunat pada bulan Sya'aban.

Bulan Ramadan menurut sabda YTM, pula merupakan masa untuk menguji tahap kesabaran dan meningkatkan pelbagai amal kebajikan khususnya kepada yang amat memerlukan ihsan.

Rasullullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam, tambah sabda YTM, telah menyaranakan beberapa amalan utama untuk dilakukan dalam bulan Ramadan termasuk melaikan bacaan Kalimah Taiyibah, iaitu LAA ILAAHA ILLALLAH' serta bacaan istighfar kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah berjanji akan memberi kita jalan keluar daripada segala kesukaran dan membebaskan kita daripada segala kesedihan.

YTM juga memetik firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185 yang bermaksud "Bulan Ramadan adalah (bulan) yang di dalamnya diturunkan Al-Qur'an, sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan petunjuk tersebut dan pembeda (antara yang benar dan yang batil)".

Oleh itu, sabda YTM, maka adalah amat rugi jika Ramadan datang dan berlalu meninggalkan kita begitu saja, tanpa ada usaha dari kita untuk memanfaatkannya dengan melakukan pelbagai ibadah dan amalan soleh.

Pada majlis tersebut, YTM juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YSHHB, pegawai-pegawai daerah, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan serta semua yang terlibat dalam mengendalikan pengagihan buah kurma kurnia Kebawah DYMM.

## Kelulusan LLB UNISSA digazetkan sebagai kelayakan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA telah mengadakan Majlis 'Perbicaraan Olok-Olok' yang berlangsung di Auditorium UNISSA.

Majlis tersebut adalah pertama kalinya dipersembahkan oleh UNISSA. Dalam persembahan 'Mock Trial' pelajar-pelajar melakukan dengan berkesan semula mengikut

sesuatu kes yang sudah disediaan di dalam skrip, manakala 'Mooting' pula hanya melibatkan penghujahan kes-kes tertentu dan pelajar-pelajar akan menyediakan asas-asas penghujahan bagi pertimbangan Hakim-hakim 'Moot'.

Program ini juga diadakan bagi meraikan pengazetkan kelulusan LLB UNISSA yang telah diterima sebagai 'kelayakan lain' (*alternative qualification*) di bawah Aturan-Aturan

Ikhtisas Peguam (Kelayakan Lain) (Pindaan), 2014.

Perkara ini telah meletakkan pemegang-pemegang ijazah ini sebagai *qualified person* di bawah Akta Ikhtisas Peguam (Penggalt 132), bagi tujuan untuk membolehkan mereka menjalani *pupillage* selama sembilan bulan sebelum mereka layak diterima masuk menjadi peguambela dan peguamcara (*advocate & solicitor*).

Setelah itu, pemegang ijazah ini layak untuk berurusan dan pengamal guaman di Mahkamah-Mahkamah Sivil di Negara Brunei Darussalam.

Di Negara Brunei Darussalam, orang-orang yang layak untuk menjadi peguam atau pegawai perundangan hendaklah menepati kehendak Akta Ikhtisas Peguam (Penggalt 132).

Orang yang layak dipanggil 'Qualified Persons' menurut bab 3(1) akta tersebut, adalah terdiri dari seorang 'Barrister-at-law' dari England, Ireland Utara atau ahli Faculty of Advocates of Scotland; peguamcara di England, Ireland Utara atau Scotland; peguambela dan peguamcara yang telah mengamalkan secara aktif di Republik Singapura atau di mana-mana bahagian di Malaysia; peguambela dan peguamcara Mahkamah Besar mana-mana negeri atau Wilayah Australia.

Orang-orang yang tidak disenaraikan di atas boleh menjadi

## AMBD keluarkan notis baru kawal hutang

Dari muka 1

Pengawasan caj-caj tertentu seperti caj bagi melunaskan baki hutang sebelum tamat tempoh pembiayaan (*early settlement*) untuk menggalakkan pelanggan menyelesaikan hutang lebih awal. Caj-caj lain yang juga dikawalselia adalah pengeluaran 'Certificate of Balance', 'Clearance letter' dan yuran yang dikenakan bagi pembiayaan yang distruktur semula (*restructure* atau *top up*).

Bagi bank-bank dan Perbadanan TAIB, notis-notis ini termasuklah Peraturan Pembiayaan Peribadi yang tidak bercagar. Ciri-ciri utama notis ini adalah meningkatkan had kelayakan pembiayaan peribadi dari 12 kali ganda (gaji kasar) kepada 18 kali ganda (gaji bersih) dengan tempoh maksima enam tahun; membenarkan penstrukturan semula / *top-up* ke atas pembiayaan bagi setiap tiga tahun, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan tren rekod pembayaran balik peminjam; mengawalselia produk pembiayaan pusingan (*revolving*) seperti *overdraft*; dan menghendaki peminjam untuk mendapatkan perlindungan insurans bagi setiap Pembiayaan Peribadi yang tidak bercagar, sama ada yang baru atau yang telah distruktur semula.

Pembiayaan Pendidikan dan Pembiayaan Pembaikan Rumah adalah dikecualikan dari Notis Peraturan ini.

Manakala Skim Penyatuan (Consolidation) Pembiayaan tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Pinjaman yang mempunyai beban hutang yang berlebihan dan pembayaran balik hutang bulanan yang tinggi akan dapat menyatukan dan mengurangkan bebanan pembayaran balik bulanan masing-masing.

Notis-notis peraturan ini akan mula berkuat kuasa pada 8 Jun 2015 dan untuk maklumat lanjut sila layari [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn).

peguam dan pegawai perundangan sekiranya ia memiliki 'kelayakan lain' yang diperuntukkan oleh bab 3(2)(3) akta ini. Kelayakan lain misalnya, menurut Aturan-Aturan Ikhtisas Peguam (kelayakan Lain) (mulai 30 Oktober 1999) adalah seperti

'TheCertificate of Legal Practice issued by the Qualifying Board pursuant of section 5 of the Legal Profession Act, 1976 of Malaysia' dan 'degree in law conferred by the Universiti Islam Antarabangsa of Malaysia'.

## Penglihatan anak bulan Ramadan 16 Jun 2015

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Jun. - Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam dengan ini mengumumkan kepada orang ramai terutama umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 haribulan Syaaban 1436 Hijrah adalah jatuh pada hari Selasa, 19 Mei 2015.

Maka berikutnya itu, ketetapan bagi merukyah anak bulan Ramadan 1436 Hijrah akan dilakukan pada petang hari Selasa, 29 Syaaban 1436 Hijrah bersamaan 16 Jun 2015 Masihi di tempat-tempat berikut, iaitu di Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebu Raya Tungku; Bukit Agok, Jerudong, Dacrah Brunei dan Muara; Bukit Ambok, Dacrah Tutong dan Bukit Lumut, Dacrah Belait.

## 'HINDARI PEMBAZIRAN AMALAN TERPUJI'

دتریبکنن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتقن اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.